

NO. SOALAN: 45

PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATO' SERI ONG KA CHUAN (TANJONG MALIM)

TARIKH : 8 APRIL 2015

SOALAN : Y.B. DATO' SERI ONG KA CHUAN minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha yang akan diambil oleh Kerajaan untuk mempromosi keharmonian, semangat muhibah dan kesederhanaan di kalangan rakyat yang terdiri daripada masyarakat majmuk di negara ini.

JAWAPAN :

Yang Di Pertua,

Seperti yang sedia maklum, di mana-mana Negara majmuk termasuk Malaysia, atas sebab perbezaan etnik, agama, budaya atau bahasa, rakyat cenderung bergaul berkelompok sendiri, dan kurang bergaul dengan kelompok-kelompok lain secara rapat. Ini menjadi punca untuk perbezaan pandangan dan persepsi mahupun polarisasi social antara kaum, komuniti atau kelompok. Di dalam setiap kaum atau komuniti, terdapat pula satu spektrum perbezaan pandangan dan pendirian kerana perbezaan status ekonomi dan sosial atau pengalaman dan pengaruh luar, ada di antaranya yang sempit atau konservatif dan ada pula yang terbuka atau 'liberal'.

Perbezaan pandangan dan fenomena polarisasi ini mungkin merosot apabila adanya pemimpin-pemimpin politik atau komuniti mempolitikkan isu-isu dari sudut yang sempit atau ekstrem untuk mendapat sokongan, menjadi jaguh atau mengutamakan

kepentingan sendiri. Kadang-kala, perbuatan seumpama ini mencetuskan perselisihan serta sentimen perkauman atau agama yang boleh menggugat ketenteraman masyarakat pada amnya, sekiranya tidak diuruskan dan ditangani dengan sesuai dan berhati-hati. Kejadian seumpama ini berlaku dalam banyak Negara, termasuk yang dianggap sebagai yang demokratik dan maju, seperti Negara-negara barat.

Dalam konteks Malaysia, pucuk pimpinan Negara pada amnya memang sangat sedar dan peka akan cabaran untuk terus memupuk persefahaman, mengekalkan keharmonian, menguruskan pelbagai jurang antara kaum serta meredakan sebarang sentimen dan sengketa yang timbul. Penggubalan polisi dan strategi dalam semua bidang sentiasa berpandukan kepada Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara sebagai asas kenegaraan yang mengambil kira dan merangkumi hak-hak asasi semua rakyat secara betapa seimbang yang mungkin.

Memandangkan bahawa proses membina Negara dan memupuk perpaduan sememangnya merupakan satu perjuangan yang berterusan yang memerlukan pembaharuan dan transformasi dari masa ke semasa, maka YAB Perdana Menteri telah giat melaksanakan Gagasan 1Malaysia sejak 2009 untuk terus menyemaikan nilai-nilai murni serta sikap penerimaan, saling menghormati dan keterangkuman (*inclusiveness*) di kalangan rakyat.

YAB Perdana Menteri telah mencadangkan inisiatif Gerakan Global ke Arah Kesederhanaan (*Global Movement of the Moderates*) buat pertama kalinya dalam ucapan beliau di Persidangan Agung Bangsa-bangsa Bersatu pada Oktober 2010. Intipati utama inisiatif tersebut yang berdasarkan konsep Wasatiyyah atau 'moderation' dalam Islam adalah untuk merangkumkan kerjasama di antara golongan-golongan sederhana dari pelbagai agama serta menggalakkan dialog antara para penganut semua agama bagi melahirkan masyarakat yang bersatu-padu dan saling menghormati di antara satu sama lain, kerana konsep kesederhanaan ini terdapat juga dalam falsafah agama-agama lain.

Konsep *wasatiyyah* yang bermaksud sederhana, pertengahan dan berimbang adalah sesuai sebagai pemangkin kepada Gagasan 1Malaysia untuk diamalkan di

masyarakat majmuk Malaysia, kerana selaras dengan wawasan kepimpinan Negara yang mahu mewujudkan keseimbangan dalam membina perpaduan yang lebih harmoni di kalangan masyarakat pelbagai bangsa, agama dan adat resam budaya.

Untuk memantapkan lagi strategi dan pelaksanaan '**wasatiyyah**' yang sederhana dan seimbang ini, Kerajaan telah menubuhkan Institut Wasatiyyah yang akan diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri, manakala Kursi Wasatiyyah diwujudkan di Universiti Malaya yang akan menjadi pemangkin kepada gerakan kesederhanaan di Malaysia.

Walaupun masih ada mereka yang mempunyai pandangan atau pendekatan yang ekstrem, Kerajaan yakin bahawa dengan langkah-langkah dan pendekatan kesederhanaan yang berterusan yang dilaksanakan, rakyat secara umumnya akan menjadi semakin matang dan akan dapat menilai dengan sendiri bahawa '**wasatiyyah**' inilah yang amat sesuai untuk masyarakat kita dan bukannya pendekatan ekstrem. Usaha memupuk persefahaman dan perpaduan dalam kepelbagaian (***unity in diversity***) sememangnya memerlukan sikap keterangkuman, penyertaan dan sumbangan semua pihak, terutamanya para pemimpin politik, pemimpin masyarakat dan penjawat awam.